

Tukar bidang bagi raih pendapatan lebih lumayan

Bukit Beruntung: Kadar gaji jurutera yang masih rendah dalam pasaran pekerjaan tempatan memaksa sebilangan daripada mereka beralih mencari rezeki dalam bidang lain.

Seorang jurutera kimia, Muhammad Hilmi Zailan, 31, mengakui beliau terpaksa beralih angin membuka pusat tuisyen selepas masih menerima gaji yang rendah walaupun sudah bertugas selama tujuh tahun.

“Saya perlu fikirkan masa depan yang lebih baik. Kini saya mempunyai pusat tuisyen yang dibuka tiga tahun lalu. Gaji akhir saya ketika itu hanya RM5,300 selepas lebih lima tahun pengalaman bekerja,” katanya ketika dijumpai *BH* di sini, semalam.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Universiti Putra Malaysia pada 2012 itu kini meraih pendapatan bulanan melebihi RM15,000 hasil operasi pusat tuisyen itu. Di situ beliau mengajar subjek Kimia kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Rakannya, Ahmad Aiman Azhari, 31, pula memilih menjual mesin penapis air selepas tiga tahun bekerja dalam bidang kejuruteraan kimia.

Katanya, gaji akhir beliau ketika bertugas di sebuah firma di Petaling Jaya hanyalah RM2,200, berbanding lebih RM10,000 hasil jualan produk penapis air.

“Kami jurutera muda terpaksa angkat kaki memilih bidang lain demi kemajuan kerjaya diri.

“Kerajaan perlu mengkaji masalah ini dan satu pendekatan terkini perlu dirangka dan dilaksanakan agar kerjaya jurutera tidak terus terpinggir,” katanya.



Muhammad Hilmi Zailan,
Jurutera kimia